



POLISI OPERASI

JAWATANKUASA PENDERMAAN ORGAN HOSPITAL KOTA MARUDU

Disediakan Oleh :

Nama : Hemron bin Sidik
Jawatan : Penolong Pegawai Perubatan U29
Tarikh : 24.04.2019

Disahkan

DR. LYDIARITA M. MARAJIN
PENGARAH HOSPITAL
HOSPITAL KOTA MARUDU
NO. MMC: 51398

24/4/19

POLISI PENDERMAAN TISU DAN ORGAN

HOSPITAL KOTA MARUDU

1. PENGENALAN

1.1 Hospital Kota Marudu adalah sebuah hospital yang menyediakan perkhidmatan pendermaan organ dan tisu. Dengan mengambil kira, Hospital Kota Marudu tidak mempunyai pakar perubatan dan Unit Rawatan Rapi. Perkhidmatan pendermaan organ dan tisu ini cuma ditumpukan kepada proses pendermaan tisu kadaverik iaitu pendermaan kulit, kornea, injap jantung dan tulang.

2. TUJUAN POLISI

2.1 Menjalankan promosi pendermaan berkaitan organ dan tisu di kalangan anggota hospital dan orang awam

2.2 Untuk memastikan pendermaan tisu dilakukan dengan etika dan professional standards.

2.3 Menggalakan anggota unit / wad dan orang awam yang berpotensi untuk mendaftar sebagai pengikrar penderma organ dan tisu.

3. KENYATAAN UMUM POLISI

3.1 Pihak hospital mewujudkan satu Jawatankuasa "*Tissue And Organ Procurement Team*" (TOP Team) yang terdiri dari anggota yang terlatih dan berpengalaman yang bertanggungjawab untuk mengenalpasti serta mengurus penderma yang berpotensi termasuk mendapatkan persetujuan dan kebenaran bertulis dari waris terdekat dan menyelaras semasa aktiviti perolehan tisu transplan dilakukan.

- 3.2** Ahli Jawatankuasa TOP Team perlu melantik Link Officer di kalangan Pegawai Perubatan, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan di unit dan wad yang berkaitan.
- 3.3** Semua aktiviti komersial yang melibatkan penyalahgunaan organ dan tisu adalah dilarang sama sekali.
- 3.4** Segala kos rawatan semasa proses pendermaan tisu dilakukan adalah percuma termasuk caj kemasukkan di wad, perubatan, prosedur pembedahan dan semua penyiasatan yang dilakukan.
- 3.5** Sebarang pembayaran dari keluarga penerima organ dan tisu adalah dilarang sama sekali.
- 3.6** Memastikan kerahsiaan mengenai identiti dan data peribadi penderma dijaga.
- 3.7** Memastikan semua kakitangan yang terlibat dalam proses perolehan tisu transplan mengikut standard keselamatan dan kualiti.

4. KLINIKAL

- 4.1** Semua kes-kes penderma organ dan tisu mestilah dimaklumkan kepada TOP Team peringkat Hospital.
- 4.2** Memastikan kes-kes pendermaan organ yang berpotensi dirujuk kepada TOP Team Hospital Queen Elizabeth atau Pusat Sumber Transplan Nasional/Wilayah.
- 4.3** Pengesahan kematian penderma tisu akan dilakukan oleh doktor berdaftar yang tiada kaitan dengan proses perolehan tisu transplan atau pasukan penerima tisu.
- 4.4** Semua kematian dianggap berpotensi sebagai penderma tisu.

- 4.5** Pegawai perubatan,/Jururawat/ Penolong pegawai perubatan bertanggungjawab untuk memastikan waris terdekat kes “medical eligible” berkaitan pilihan mereka tentang pendermaan organ dengan memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih dengan mengambil kira keadaan, pandangan dan kepercayaan pesakit serta waris terdekat mereka.
- 4.6** TOP Team akan memberi sokongan dan lawatan susulan kepada waris penderma untuk tempoh yang bersesuaian.
- 4.7** Persetujuan bertulis seharusnya diambil dari waris terdekat sebelum proses perolehan tisu transplan dilakukan.
- 4.8** Dalam kes yang melibatkan pendermaan selepas kematian tetapi berada di bawah Kanun Prosidur Jenayah untuk bedah siasat atau inkues koronal, kebenaran bertulis haruslah diperolehi terlebih dahulu dari pihak mahkamah sebelum sebarang aktiviti proses perolehan tisu transplan dilakukan mengikut undang-undang yang sedia ada.
- 4.9** Proses perolehan tisu transplan akan dilakukan di Bilik Bedah Siasat di Unit Forensik.:
- 4.10** Tisu yang telah diderma dan tidak digunakan
- 4.10.1** waris akan dimaklumkan jika tisu tidak digunakan untuk pemindahan dan waris akan diberitahu kaedah pelupusan tisu tersebut.
 - 4.10.2** Adalah wajib untuk mendapatkan persetujuan daripada waris jika tisu yang akan digunakan selain daripada untuk pemindahan tisu
- 4.11** TOP Team akan menyediakan kemudahan perkhidmatan yang efisien dan selamat dari hospital ke pusat transplan

- 4.12** Pihak hospital akan cuba sedaya yang boleh untuk mempercepatkan jenazah dikembalikan kepada waris dengan mengambil kira sensitiviti, penuh kehormatan, dan juga secara privasi.
- 4.13** Pihak hospital hendaklah mempercepatkan laporan perubatan jika laporan itu diminta oleh keluarga terdekat.

5. LATIHAN DAN PROMOSI

- 5.1** Anggota yang terlibat dalam pengurusan dan penyelarasan penderma yang berpotensi hendaklah dilatih dalam komponen berkaitan pengendalian perolehan tisu dan organ.
- 5.2** Hospital ini hendaklah menjalankan pendidikan dan ceramah yang berterusan kepada orang awam dan kakitangan berkaitan pendermaan organ dan tisu.
- 5.3** Pesakit dan keluarga akan dimaklumkan hak-hak mereka tentang pendermaan organ.
- 5.4** Penerbitan contohnya poster dan pamflet yang berkaitan pendermaan organ dan tisu hendaklah dipaparkan di kawasan dan sudut yang senang dilihat oleh orang awam.
- 5.5** Orang Awam yang ingin mendapat maklumat lanjut berkaitan pendermaan organ dan tisu dan ingin menjadi pengikrar bolehlah mendapat khidmat nasihat dan mengisi kad pengikrar dengan AJK Promosi TOP Team Hospital Kota Marudu.

RUJUKAN

Human Tissue Act 1974 (Malaysia)

National Organ, Tissue and Cell Transplantation Policy, Ministry of Health Malaysia, June 20017

Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2008: Perkhidmatan perolehan Organ Dan Tisu Kadaverik Kementerian Kesihatan Malaysia. Rujukan : KKM 87/P1/1/3 jld.2 (19).12 April 2008.

Pekeliling Ketua pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2013: Tatacara Pengurusan Penderma Organ dan Tisu Kardaverik Yang Terlibat Dalam Siasatan Polis. Rujukan KKM87/P1/1/3 jld.2 (19), 12 April 2013

Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2013: Tatacara Pelaksanaan Kemudahan Wad Kelas pertama dan pengecualiaan Bil perubatan Penderma Organ dan Sel Stem Warganegara dan Bukan Warganegara. Rujukan:KKM87/P1/1/3/ Jld.2 (17),13 Februari 2013.